

NOTA MAKLUMAN

MENGENAI

ADUAN PERSATUAN TINDAKAN ALAM SEKITAR KUALA LANGAT BERKENAAN PENCEMARAN KILANG MEMPROSES SISA ELEKTRONIK DAN BUANGAN TERJADUAL SECARA HARAM DI TELUK MENGGUANG 8, KUALA LANGAT, SELANGOR

PADA

18 DISEMBER 2024

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil-hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima beberapa aduan daripada Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat berkaitan terdapat beberapa buah kilang dipercayai memproses sisa berjadual yang diimport secara haram di Teluk Mengkuang 8, Kuala Langat, Selangor.

3. Pengadu memohon supaya JAS dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan tegas dan menutup kilang-kilang memproses buangan elektronik yang beroperasi secara haram.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

4. Berdasarkan kepada maklumat dan gambar yang dikemukakan oleh pengadu, aduan yang dibuat merupakan premis-premis yang sama diadu dan berada di lokasi yang sama. Premis-premis yang terlibat juga telah dikenalpasti. JAS telah melakukan beberapa siasatan termasuk siasatan secara bersepadu bersama beberapa agensi sepanjang tahun 2024 terhadap premis sejak aduan diterima.

5. Sepanjang pemeriksaan terhadap premis-premis yang diadu mendapati:

5.1 Premis A:

Dimiliki oleh Syarikat Trinity New Energy Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti memproses e-waste (SW 110 dan SW 422). Premis ini mempunyai kelulusan EIA bertarikh 10 September 2024 manakala permohonan EMP sedang dalam proses kelulusan;

5.2 Premis B:

Premis ini didapati kosong dan tiada sebarang aktiviti dijalankan di dalam premis;

5.3 Premis C:

Premis ini merupakan kilang kayu dan tiada proses e-Waste dijalankan di dalam premis;

5.4 Premis D:

Premis ini dalam pembinaan dan tiada sebarang aktiviti memproses e-Waste dijalankan di dalam premis;

5.5 Premis E:

Premis ini dimiliki oleh Syarikat Hai Weh Metal Development Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti memproses e-waste (SW 110 dan SW 422). Premis mempunyai kelulusan EIA bertarikh 13 September 2023 dan EMP bertarikh 28 November 2023 serta dalam proses kelulusan permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19;

5.6 Premis F:

Premis ini dimiliki oleh Syarikat He Tian Metal Industries Sdn. Bhd. Premis ini menjalankan aktiviti memproses e-waste (SW 110 dan SW 422) yang mempunyai kelulusan EIA bertarikh 17 Oktober 2022 dan EMP bertarikh 18 Januari 2023. Premis dalam proses kelulusan permohonan Kebenaran Bertulis Seksyen 19.

6. Pemeriksaan yang pertama dijalankan pada 9 Mac 2024 dan pemeriksaan susulan juga telah dilakukan pada 25 Oktober 2024, 16 November 2024 dan 5 Disember 2024 berikutan aduan daripada pengadu yang sama masih diterima oleh JAS. Semasa pemeriksaan, kesemua premis masih tidak beroperasi kerana menunggu kelulusan Kebenaran Bertulis Seksyen 19 dan Lesen di bawah Seksyen 18 AKAS 1974.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

7. JAS telah mengarahkan pihak premis untuk sentiasa patuh kepada AKAS 1974 dari semasa ke semasa. Premis tidak dibenarkan beroperasi sehingga semua kelulusan dan keperluan di bawah AKAS 1974 dipatuhi.

SYOR

8. JAS akan meneruskan pemantauan terhadap premis-premis di kawasan yang diadu dan akan meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memastikan premis sentiasa mematuhi perundangan.

PENUTUP

9. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar

JABATAN ALAM SEKITAR

1 JANUARI 2025



Gambar 1: Lokasi tujuh (7) premis yang dikenalpasti berdasarkan aduan yang diterima



Gambar 2: Premis A iaitu Syarikat Trinity New Energy Sdn. Bhd. yang masih belum beroperasi dan premis B (kosong dan tiada sebarang aktiviti)



Gambar 3 & 4: Premis E iaitu Syarikat Hai Weh Metal Development Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti memproses e-waste (SW 110 dan SW 422) dan masih belum beroperasi



Gambar 5 & 6: Premis F yang dimiliki oleh Syarikat He Tian Metal Industries Sdn. Bhd. Premis ini menjalankan aktiviti memproses e-waste (SW 110 dan SW 422) dan masih belum beroperasi